

Jika pertahanan tidak kukuh Rakyat akan jadi orang pelarian: PM

BH 7 DEC 1989

ancaman dari dalam atau luar negeri.

"Penyusunan sistem pertahanan yang tidak bersungguh-sungguh akan menyebabkan kekecewaan, penderitaan dan kemusnahan belaka," katanya ketika berucap di upacara Penyampaian Diploma Maktab Turus Angkatan Tentera, di sini hari ini.

Teguh

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Pertahanan berkata, rakyat telah menyaksikan keadaan di Vietnam Selatan dan Kampuchea, di mana kegagalan pertahanannya, menyebabkan penderitaan, kehilangan kebebasan hidup, rampasan harta benda serta kemusnahan industrinya.

"Untuk melepaskan diri daripada penderitaan, rakyat Vietnam dan Kampuchea sanggup menyangah nyawa melarikan diri ke negara lain.

"Kita, rakyat Malaysia pasti akan mengalami nasib yang sama seperti pelarian Vietnam yang mendarat di merata pantai negara ini, sekiranya kita lalai atau tidak mempunyai sistem pertahanan yang kukuh," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, strategi pertahanan negara mestilah sanggup mendokong satu konsep keselamatan menyeluruh, yang merangkumi aspek kekuatan tentera, keutuhan ekonomi, kestabilan politik, keteguhan jentera

"Sebagai negara membangun, kita tidak mampu memiliki senjata serba lengkap, bukan sahaja disebabkan harganya, malah kerana kekerapan ia diganti dengan sistem yang lebih sophisticated," ujarnya.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan berpandu kepada pemilihan senjata dan peralatan yang sesuai dengan keperluan, serta memperhebatkan daya tempur tentera dengan cara meningkatkan pengendalian dan teknik pengerahannya.

Sementara itu, sewaktu berucap kepada pegawai tentera luar negeri yang hadir di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sistem kerajaan Malaysia tidak jauh berbeza dengan negara bebas lain walaupun negara ini mempunyai ciri pemerintahannya yang tersendiri.

Menurutnya, kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan ciri-ciri itu kerana yakin ia adalah penting dalam sebuah negara membangun yang mempunyai pelbagai bangsa.

Bagaimanapun, memang wujud golongan yang sentiasa tidak berpuas hati serta menyuarakannya kepada sesiapa sahaja yang bersedia mendengarnya.

"Ini adalah perkara biasa. Oleh itu, kita tidak harus terpengaruh dengan mereka. Cara paling baik untuk mengadilinya ialah dengan melihat kejayaan-kejayaan yang telah dicapai, yang jelas bertentangan dakwaan mereka," ujarnya.

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa rakyat negara ini akan mengalami nasib yang sama seperti pelarian Vietnam, jika negara lalai dan tidak mempunyai sistem pertahanan yang kukuh.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak boleh berpuas hati dengan kemakmuran dan keamanan yang wujud di negara ini sekarang.

"Sebagai negara merdeka dan berdaulat, kita mesti terus menyusun sistem pertahanan dan sedia menghadapi segala

pentadbiran, ketahanan psikologi dan perpaduan.

Di segi kepentingan negara, katanya, strategi itu adalah berdasarkan cita-cita bagi menghindarkan sebarang peperangan bagi menjamin hidup yang aman, bebas serta berkecuali, manakala negara jiran yang bersahabat, sentiasa menghormati satu sama lain.

"Pembangunan sesuatu sistem pertahanan serba moden memerlukan pelaburan besar di segi pembelian senjata dan peralatan. Kita mudah terperangkap dalam perlumbaan pasaran senjata yang hanya memeningkan kemajuan teknologi yang semakin mahal.